

Headline **Ria Pertiwi dapat projek RM100 juta**  
Date **29 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **19**  
Article Size **153 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,024**  
PRValue **9,072**



# Ria Pertiwi dapat projek RM100 juta

KUALA LUMPUR 28 April - Ria Pertiwi Sdn. Bhd. (Ria Pertiwi) telah dipilih oleh pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk membina sembilan blok asrama di universiti itu dengan kos berjumlah RM100 juta.

Pengarah Eksekutifnya, Datuk Ahmad Faizal Ja'afar berkata, pembinaan di atas tanah seluas 13.2 hektar itu akan menempatkan 2,000 pelajar, dewan serbaguna beserta pusat rekreasi kepada pelajar.

Katanya, taman seluas 0.8 hektar untuk menanam tanaman seperti durian, manggis dan rambutan.

“Projek pembinaan itu akan bermula pada Julai ini dan dijangka siap pertengahan 2013,” katanya selepas memeterai memorendum persefahaman (MoU) di antara syarikatnya dan Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (Uniutama) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Uniutama dan Ketua Pegawai Eksekutifnya; Datuk Dr. Afiffudin Omar dan Profesor Madya Dr. Ayoib Che Ahmad.

Penempatan itu terletak satu kilometer dari kampus utama UUM.

Uniutama adalah anak syarikat UUM dan merupakan pemegang konsesi selama 25 tahun bagi membangun, mengurus, menyewa dan memindah milik kemudahan tersebut.

Ahmad Faizal berkata, di bawah MoU itu, hak konsesi tersebut akan diserahkan kepada Ria Pertiwi bagi tempoh selama 25 tahun dan setelah tamat ia diserahkan kembali kepada pihak pengurusan UUM.



**AHMAD Faizal Ja'afar (kiri) bertukar dokumen dengan Ayoib Che Ahmad di Kuala Lumpur, semalam.**